

## Rencana Pengarang

Pemimpin-pemimpin tidak tabik kecuali melakukan pekerjaan-pekerjaan maksiat di hadapan umum dan di khalayak ramai sebagai tentangan dan cabaran-cabaran kepada ajaran-ajaran Islam. Keseronokan mereka tersiar dengan luasnya, disiarkan di dalam akhbar-akhbar dan siaran-siaran rasmi kerajaan yang agama rasminya agama Islam.

Sedang umat Islam tidak berkata-kata melihat yang demikian, tidak berkata apa-apa dan tidak membuat teguran secara jitu, ajaran agamanya dicabar sebegitu rupa bukan oleh orang lain tetapi oleh mereka sendiri.

Hal-hal yang demikian ini, menurut pendapat beliau, adalah mewajibkan tiap-tiap pemeluk Islam melakukan jihad untuk menghapuskan noda dan bencana yang begini besar – yang begini merbahaya yang bak seperti air bah tibanya yang akan membawa hanyut siapa yang dilandanya. Umat Islam tidak boleh dan haram untuk mendiamkan dirinya daripada berusaha dan bekerja.


Sekiranya umat Islam tidak berkemampuan, tidak bersanggupan untuk berjuang menegakkan hak-hak Islam di dalam negerinya, di dalam tempatnya bermastautin sekiranya ia tidak berkesanggupan dan kemampuan untuk bertahan maka wajib baginya, menurutnya, berhijrah dari negeri ini ke negeri Islam yang lain. Sekiranya ia tidak dapat berhijrah dan tidak

berjihad untuk menegakkan hak-hak agama maka menurut pendapatnya, orang-orang itu kalau mati maka matinya adalah seperti mati Yahudi atau Nasrani – dilindungi Allah kiranya daripada yang demikian.

Pendapat yang dihuraikan dengan ikhlas oleh seorang ketua perguruan ini mungkin dikeluarkan beliau kerana iman beliau yang mendalam, tidak tertahan hati melihat keadaan di sekeliling beliau hari ini. Kita melihat bahawa namanya sahaja agama negara agama Islam tetapi boleh dikata agama hanya berjalan di atas nama dan perkara-perkara kulit sahaja dengan sebaliknya kita melihat pula dianjurkan perkara-perkara yang menentang atau perbuatannya yang bertentangan dengan agama dilakukan dan dijalankan dengan diorganisasi oleh pemerintah yang agama rasminya agama Islam.

Jiwa agama makin hari makin lumpuh terutamanya pula ada sebahagian daripada cerdik-pandai kita sekarang sudah dipengaruhi oleh “kebendaan” dan pengaruh-pengaruh atasan boleh memperkotak-katikkan mereka kepentingan dan maslahat mereka sendiri atas rakyat.

Perpecahan-perpecahan sentiasa timbul di kalangan kaum Muslimin dan sebaliknya tidak ada alim-ulama yang bangkit menimbulkan kesedaran merapatkan betapa mustahaknya mengikat ukhuwah Islamiyyah. Mereka itu sendiri bersendiri-sendirian dan jika alim-ulama sendiri telah begitu keadaannya apakah yang bakal diharap adanya lagi untuk melihat pula dianjurkan perkara-perkara perkembangan Islam pada masa yang akan datang?



Istana Seri Menanti dihiasi dengan lampu warna-warni pada malam pertabalan Yang Dipertuan Besar Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada bulan April yang lalu.